



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

1444H

BULETIN

Ramadan

Al Mubarak 2023/1444H

Bil:3

Puasa -Jambatan Taqwa-

Kita telah memahami bahawa tujuan utama Allah mewajibkan kita untuk berpuasa adalah agar kita menjadi mukmin yang bertaqwa. Oleh itu marilah kita bersama-sama renungkan, benarkah ketika kita selesai melaksanakan puasa ramadan, kita sudah menjadi orang yang bertaqwa? Adakah setiap mukmin yang telah menunaikan sebulan penuh puasa dibulan ramadan secara automatik menjadi insan bertaqwa?



Kita tidak dapat memberikan jawapan yang pasti. Namun setiap dari kita pasti merasakan dan mengetahui sejauh mana kesan tarbiyah ramadan ini, puasa yang telah dilalui, samada hanya sekadar merasa lapar dan dahaga atau mendapat darjat taqwa di sisi Allah SWT.

Semoga kita berjaya mencapai darjat taqwa di ramadan ini



Hadis Pilihan

Di dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

.....
رَبُّ صَائِمٍ لَيْسَ لَهُ مِنْ صِيَامِهِ إِلَّا الْجُوعُ،
وَرَبُّ قَائِمٍ لَيْسَ لَهُ مِنْ قِيَامِهِ إِلَّا السَّهَرُ
.....

Maksudnya: "Boleh jadi orang yang berpuasa itu tidak mendapat apa-apa daripada puasanya melainkan lapar dan boleh jadi orang yang berqiyam itu tidak mendapat apa-apa daripada qiyamnya melainkan hanya berjaga malam". [Riwayat Ibnu Majah, no. Hadith 1690][Syeikh Syu'aib menilai hadith ini sebagai sahih dan sanadnya juga baik]



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

1444H

BULETIN

Ramadan
Al Mubarak

2023/1444H

رمضان مبارك



AKTIVITI IHYA RAMADAN KPM 20-29 RAMADAN

Majlis Bicara Wahyu

14 April 2023 | Jumaat | Auditorium Kompleks Kerajaan Parcel E, Putrajaya

Majlis Bicara Wahyu Khas Ihya Ramadan menampilkan Dr Mohd Faridh Hafez bin Mhd Omar dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau membicarakan tentang tajuk : "Mencari Lailatul Qadr, Memburu Pahala Seribu Bulan". Beliau telah memberi kupasan-kupasan yang menarik berkenaan tajuk dan memberi motivasi kepada penonton agar terus istiqamah dalam beramal khususnya di bulan Ramadan ini.



Seusai Majlis Bicara Wahyu program diteruskan dengan penyampaian sumbangan Hari Raya Aidilfitri daripada hasil wang sumbangan warga KPM dalam Tabung Cakna Ramadan KPM kepada asnaf yang layak dalam kalangan kakitangan-kakitangan KPM. Wang sumbangan telah disampaikan oleh Tn Hj Omar bin Salleh, Timbalan Pengarah Kanan, Bahagian Pendidikan Islam KPM.





KEMENTERIAN PENDIDIKAN

BULETIN

Ramadan
Al Mubarak 2023/1444H

رمضان مبارک

1444H

AKTIVITI IHYA RAMADAN KPM 20-29 RAMADAN

MAJLIS KHATAM AL QURAN

14 April 2023 | Jumaat

Bertepatan dengan ramadan bulan diturunkan Al-Quran, Majlis Khatam Al Quran dilaksanakan di beberapa bahagian-bahagian di Kementerian Pendidikan. Lensa Buletin Ramadan KPM kali ini akan memaparkan berita bergambar sekitar Majlis Khatam Al Quran.



BAHAGIAN MATRIKULASI, KPM



BAHAGIAN PENGURUSAN ASET KPM

BAHAGIAN KEWANGAN, KPM



BAHAGIAN PENDIDIKAN ISLAM

17 APRIL 2023 | ISNIN





KEMENTERIAN PENDIDIKAN

1444H

BULETIN

Ramadan
Al Mubarak 2023/1444H

رمضان مبارك

AKTIVITI IHYA RAMADAN KPM 20-29 RAMADAN

Majlis Tadarus & Khatam Al Quran KPM

18 April 2023 | Selasa | Masjid Tuanku Mizan
Zainal Abidin, Putra Jaya

Bertepatan dengan Ramadan bulan diturunkan Al-Quran, Majlis Tadarus dan Khatam Al Quran Peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia telah diadakan. Lensa Buletin Ramadan KPM kali ini akan memaparkan berita bergambar sekitar majlis tersebut yang telah dikelolakan dengan jayanya oleh Bahagian Pendidikan Islam KPM.

Majlis ini turut dihadiri oleh Tn Hj Omar bin Salleh, Timbalan Pengarah Kanan, Bahagian Pendidikan Islam KPM serta pegawai-pegawai BPI KPM. Peserta tadarus pula terdiri daripada wakil-wakil setiap bahagian di Kementerian Pendidikan Malaysia.





KEMENTERIAN PENDIDIKAN

1444H

تَقْبِيلُهُمْ نَوْمَكُمْ

Semoga segala amal ibadah kita diterima
Allah hendaknya. Mudah-mudahan kita
dapat bertemu Ramadan yang akan datang.

Dikesempatan ini pihak editor dan semua KRU Penerbitan
Buletin Ramadan 1444H / 2023M
memohon ampun dan maaf di atas segala kesilapan
dan kesalahan serta mengucapkan :

سَلَامٌ عَلَى الْفَطَرِ

مَعَافٌ ظَاهِرٌ وَبَاطِنٌ